

Pokok ketum kena tebang di Perlis

Oleh NUR NAZLINA NADZARI

PADANG BESAR – Polis Perlis dengan kerjasama Jabatan Tanah dan Galian (JTG) melakukan operasi menebang pokok ketum di negeri ini yang dilaksanakan di bawah Akta Penempatan Berkelompok (GSA) 1960.

Operasi bersepadu dilakukan di Felda Mata Ayer di sini kira-kira pukul 10 pagi semalam turut melibatkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda).

Ketua Polis negeri, Datuk Surina Saad berkata, penebangan pokok ketum itu akan diteruskan ke kawasan Felda lain di negeri ini dengan melibatkan jumlah keseluruhan kira-kira 2,000 pokok dalam tempoh sebulan.

Kata beliau, Akta GSA tersebut boleh digunakan kerana ia melibatkan perjanjian antara peneroka dengan pihak Felda dan Akta Tanah Negara.

“Sebelum ini, saya sudah minta mereka tebang pokok-pokok itu tetapi mereka hanya potong separuh sahaja yang mana pokok jadi lebih besar.



SURINA menebang pokok ketum dalam operasi tebang pokok ketum di Felda Mata Ayer, Padang Besar semalam.

“Jadi yang mana potong separuh itu kami akan meletakkan racun pada batang pokok,” katanya ketika ditemui pada operasi tersebut di sini semalam.

Menurutnya, penebangan pokok tersebut dijangka dapat mengurangkan kegiatan penye-ludupan daun ketum di negeri ini sehingga 40 peratus.

“Jadi bila diperluaskan ke negeri-negeri lain, penawaran ketum itu akan berkurangan. Buat masa ini, Perlis yang pertama membuat operasi tebang pokok ketum dan diharapkan negeri-negeri lain pun akan mengambil tindakan sama,” katanya.

Surina pada masa sama berkata, pihaknya dalam proses perbincangan untuk menyelaraskan operasi penebangan pokok ketum di luar kawasan Felda.

“Kami memang mempunyai kuasa untuk memusnahkan pokok-pokok ketum di kawasan lain selain Felda,” ujarinya.

Bagaimanapun, tambahnya, pemilik pokok ketum tersebut tidak dikenakan tindakan undang-undang.